

# Active Living

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan perlindungan ACTIVE Living. Pastikan juga anda membaca syarat-syarat dan peraturan am).

### 1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Polisi ini ialah polisi yang boleh diperbaharui secara tahunan yang memberikan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, Hilang Upaya atau kematian yang disebabkan oleh kejadian yang ganas, tidak sengaja, luaran dan ketara.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

Manfaat Utama	Keterangan	Jumlah Diinsuranskan (RM)	
A	Kematian Akibat Kemalangan	150,000	
B	Kehilangan Upaya Kekal	150,000	
C	Tulang Patah	20,000	
D	Pendapatan Hospital Harian Akibat Kemalangan	100 sehari	
E	Manfaat Kesejahteraan		
Rider Pilihan	Keterangan	Asas (RM)	Super (RM)
1	Terkehel	5,000	10,000
2	Luka Terbakar	5,000	10,000
3	Elaun Penjagaan Jururawat	200 sebulan	400 sebulan
4	Perbelanjaan Pengebumian	10,000	20,000
5	Bayaran Balik Perubatan akibat Virus Denggi atau Zika	1,000	3,000
6	Kematian akibat denggi, Ensefalitis Jepun atau Malaria	10,000	20,000

Nota:

Manfaat Kesejahteraan menyediakan senarai pemeriksaan kesihatan seperti:

- Ujian Darah – Gambaran Darah Penuh
- Ujian Fungsi Ginjal
- Ujian Fungsi Hati
- Kajian Lipid
- Glukosa Darah
- FEME Kencing & Graviti Tentu
- eGFR
- Ujian Audiometri

Sebahagian daripada Manfaat Kesejahteraan juga termasuk perkhidmatan DOCTOR2U yang membolehkan anda mendapatkan perkhidmatan doktor berlesen penuh di dalam kawasan liputan. Anda hanya perlu memuat turun aplikasi (boleh didapati dalam kedua-dua landasan Apple dan Android).

Kadar Sebenar*	Kadar Istimewa**
RM100 (8:00pg – 7:59mlm)	RM50 (8:00pg – 7:59mlm)
RM190 (8:00mlm – 7:59pg)	RM140 (8:00mlm – 7:59pg)

\* Kadar sah pada masa penerbitan dan tertakluk kepada perubahan

\*\* Untuk penebusan kali pertama sahaja dan sah di lokasi terpilih

- Untuk senarai terma dan syarat bagi aplikasi Doctor2U sila log masuk ke [www.doctor2u.my/terms-of-service](http://www.doctor2u.my/terms-of-service)
- Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat penuh dan skala manfaat bagi Kematian Akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal akibat kemalangan.
- Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun dan anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Manfaat	Premium (RM)
Manfaat Utama	399.00
Rider Opsyenal	
Rider Asas	25.00 setiap rider
Super Rider	50.00 setiap rider

- Jumlah premium yang perlu anda bayar ialah : RM \_\_\_\_\_

### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

#### Jenis

- Komisen yang dibayar kepada ejen insurans
- Duti Setem
- Cukai
- Caj Perkhidmatan Doctor2U

#### Jumlah

- 25% daripada Jumlah Premium
- RM10.00
- 6% daripada Jumlah Premium
- Sila rujuk Kadar Sebenar dan Pilihan di atas

### 5. Apakah antara terma dan syarat penting yang perlu saya ketahui?

- Pentingnya pendedahan – anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, dan menyatakan usia anda dengan betul.
- Kelayakan ialah antara usia lapan belas (18) tahun hingga tujuh puluh lima (75) tahun dan boleh diperbaharui sehingga usia seratus (100) tahun.
- Tempoh penilaian percuma – Anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam masa lima belas (15) hari selepas anda menerima polisi. Premium yang anda bayar akan dipulangkan kepada anda.
- Tunai Sebelum Perlindungan – Adalah menjadi syarat khas asas dan mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dijelaskan dan diterima oleh pihak Kami sebelum perlindungan insurans berkuat kuasa.
- Prosedur Tuntutan – Notis Kecederaan mesti diberikan secara bertulis kepada Kami dalam masa tiga puluh (30) hari selepas kejadian.
- Selepas menerima notis tersebut, Kami akan memberi anda borang tuntutan untuk mengisi bukti tuntutan. Sekiranya berlaku kematian, notis sewajarnya hendaklah diberikan kepada Kami sebelum pengebumian atau pembakaran mayat dan Kami mungkin meminta untuk menghantar wakil semasa bedah siasat atau pemeriksaan jenazah Orang Yang Diinsuranskan.
- Penamatan Insurans:
  - i) Ditamatkan oleh Pihak Diinsuranskan – Penamatan adalah berkuat kuasa pada tarikh notis yang diberikan oleh Pihak Diinsuranskan diterima oleh pihak Kami atau pada tarikh yang dinyatakan oleh notis tersebut, yang mana lebih awal.
  - ii) Ditamatkan oleh pihak Kami – Penamatan hendaklah berkuat kuasa tujuh (7) hari selepas tarikh notis tersebut diberikan oleh Kami menerusi pos berdaftar ke alamat terakhir Pihak Diinsuranskan yang diketahui.
  - iii) Ditamatkan secara Automatik – Polisi ini luput/tamat pada tengah malam (waktu piawai Malaysia) pada hari terakhir Tempoh Insurans, tertakluk kepada fasal Pembaharuan Polisi dalam kontrak polisi.
- Penamaan – Anda boleh melakukan penamaan polisi dan memastikan bahawa penama maklum tentang polisi yang telah anda beli.

## 6. Apakah terma dan syarat yang perlu saya ketahui?

Polisi ini tidak melindungi:

- Peperangan, Perang Saudara, Rampasan, Keganasan
- AIDS dan penyakit berkaitan
- Kelahiran Anak, Keguguran
- Pembunuhan atau Serangan Disebabkan Provokasi
- Menaiki Pesawat sebagai Kakitangan Penerbangan
- Kegiatan Udara, Seni Mempertahankan Diri, Perlumbaan
- Radiasi, Bahan Senjata Nuklear
- Keadaan Sedia Ada

\*Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

## 7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat insurans. Selepas pembatalan, anda layak menerima jumlah bayaran balik premium tertentu berasaskan tempoh insurans belum luput.

## 8. Apa yang perlu anda lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat hubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan dalam butir-butir hubungan/profil hidup anda termasuk penamaan, pekerjaan dan kegiatan peribadi yang mungkin mempengaruhi profil risiko. Anda boleh faks atau menulis kepada kami di alamat atau nombor faks di bawah.

## 9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans kemalangan peribadi, sila rujuk kepada buku kecil insuranceinfo mengenai 'Insurans Kemalangan Peribadi', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen insurans atau melayari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di: **Zurich General Insurance Malaysia Berhad**  
Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

## 10. Jenis perlindungan insurans Kemalangan Peribadi lain yang disediakan:

- Personal Sentinel Versi 2
- Flexi PA
- Insurans Kemalangan Peribadi

### NOTA PENTING

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk memberi perhatian yang sewajarnya agar tidak membuat salah nyata semasa menjawab soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk insurans ini). Anda perlu menjawab soalan secara sepenuhnya, dengan tepat.

Kegagalan untuk memberi perhatian sewajarnya semasa menjawab soalan boleh mengakibatkan penghindaran kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Di samping menjawab soalan dalam Borang Cadangan, anda dikehendaki untuk mendedahkan mana-mana perkara lain yang anda tahu berkenaan dengan keputusan kami untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang diguna pakai.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, sebarang maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN TENTANG SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA PERLU MENAMAKAN PENAMA DAN MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA TAHU AKAN POLISI KEMALANGAN PERIBADI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANSUNG UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad** adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang terkandung dalam lembaran pendedahan ini sah mulai 15 Oktober 2018.

## NOTIS PENTING

Semua premium dan yuran yang tertera dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.